

Headline	Pulihara 2,000 spesies tumbuhan hutan, orkid liar		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	26 Feb 2022	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	22	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	851 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 7,930
Frequency	Daily (EM)	PR Value	MYR 23,790



SABTU
Utusan Sarawak
26 FEBRUARI 2022
24 REJAB 1443H

Stail pertanian

Pulihara 2,000 spesies tumbuhan hutan, orkid liar

BERTITIK tolak daripada kesedaran untuk memulihara tumbuhan hutan termasuk orkid liar yang hampir pupus akibat pembalakan dan penerokaan tanah, Suzairi Zakaria, 46, mengambil inisiatif menanam semula tumbuhan unik itu di halaman rumahnya di Setiu, Terengganu.

Jurugambar berpengalaman lebih 15 tahun itu telah memulakan usaha pemuliharaan hutan hujan tropika sejak 2015 dan kini berjaya menanam semula lebih 2,000 spesies tumbuhan hutan termasuk 200 orkid liar yang ditemui di tanah bris dan kawasan pembalakan di sekitar negeri itu.

Suzairi berkata tumbuhan hutan seperti paku-pakis, halia hutan, periuk kera, hoya dan pelbagai spesies lain serta orkid liar di tanam semula di halaman rumahnya yang dinamakan 'Pusat Kajian dan Konservasi WildDome', sehinggakan ia menjadi lokasi rujukan dan kunjungan ahli konservasi, penyelidik dan peminat orkid seluruh negara.

MINAT KUMPUL ORKID
Beliau berkata, minat untuk mengumpul orkid liar dan tumbuhan hutan bermula selepas beliau sering kali ke tanah basah Setiu (Setiu Wetland) untuk merakam gambar-gambar berunsur alam semula jadi seperti tumbuhan, haiwan sebagai dokumentasi kepelbagaian biodiversiti di negeri itu.

"Ada tempat yang sudah biasa saya pergi dan apabila kembali semula, saya terkejut tempat itu telah berubah wajah akibat penerokaan tanah dan hutan, kebanyakannya adalah habitat semula jadi

tumbuhan hutan dan orkid liar yang membiak dan menumpang pada dahan pokok besar.

"Jadi, mana-mana tumbuhan hutan dan orkid liar yang boleh diselamatkan saya bawa balik dan tanam semula," katanya sambil menambah telah meluaskan usaha konservasi itu di kawasan pembalakan lain termasuk di hutan sekitar Tasik Kenyir.

Berkongsi cabaran menanam semula pokok-pokok berkenaan, Suzairi yang juga dikenali Dome berkata beliau perlu menyesuaikan setiap spesies tumbuhan dengan habitat asalnya, seperti keperluan kepada cahaya

matahari secara langsung, harus ditanam di kawasan redup dan ada juga tumbuhan tidak boleh terlalu lembab, kerana dikhuatiri dijangkiti kulat yang mengakibatkan tumbuhan mati.

TEMUI ORKID LIAR
Menariknya, usaha pemuliharaan biodiversiti Suzairi itu juga telah berjaya menemukan beberapa orkid liar dan tumbuhan hutan baharu antaranya periuk kera atau nama saintifiknya *Nepenthes latiffiana*, *Nepenthes domei* dan orkid liar pula seperti *Bromheadia petuangsensis*, *Dendrobium ruseae* dan *Dendrobium mizanii* yang dinamakan sempena nama Sultan

USHA pemuliharaan hutan hujan tropika yang dilakukan beliau sejak 2015 itu telah berjaya menanam semula lebih 2,000 spesies tumbuhan hutan termasuk 200 orkid liar yang ditemui di tanah bris dan kawasan pembalakan di sekitar negeri itu.

• Foto BERNAMA

Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Saya perlu bekerjasama dengan ahli botani yang berkelayakan bagi menghuraikan penemuan spesies baharu kerana setiap penemuannya perlu ada penulisan kertas penyelidikan untuk mengesahkan penemuan itu di dalam mana-mana jurnal saintifik," katanya.

Antara institusi yang bekerjasama dengannya ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Selain dilantik Karyawan Tamu Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT, Suzairi juga menerima pengiktirafan antarabangsa daripada seorang pakar orkid Guatemala yang menamakan spesies orkid baharu di negara itu bersempena dengan namanya, *Chysis domei* atas usaha kerja botani dan menghuraikan spesies baharu khazanah biodi-

versiti di Terengganu.

USHA BERI IMPAK BESAR
Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT Prof Madya Dr Jamilah Mohd Salim berkata, usaha Suzairi secara tidak langsung telah memberikan impak yang besar untuk disebarkan kepada orang ramai dalam usaha mencintai dan mengenali kepelbagaian biodiversiti.

"Peranan beliau juga telah banyak membantu penyelidik universiti yang ketinggalan banyak perkara mengenai fenomena alam yang berlaku di dalam hutan," katanya.

Katanya terdapat lebih 200,000 spesies hutan tumbuhan dan lebih 1,000 spesies orkid liar di Semenanjung dan sehingga kini 248 orkid liar di Terengganu telah direkodkan dalam herbarium seperti Herbarium Singapura, Yayasan Orkid Switzerland dan National Herbarium of the Netherlands.

— Bernama